

TR: 9.10.66

RANGKA UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN
PERDANA MENTERI MALAYSIA
DI MAJLIS HARI ULANG TAHUN MIC
YANG KE-20
DI STADIUM MERDEKA, KUALA LUMPUR
PADA 20 OGOS, 1966.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kawan baik saya, Tan Sri Sambathan¹ dan Ahli-ahli MIC kerana sudi menjemput saya hadir di upacara pengurnian Jubah Mas kepada Y.A.M. Tunku Abdul Rahman² dan Puan Sharifah Rodziah sempena hari ulang tahun MIC yang ke-20 pada hari yang berbahagia ini.

Saya amat sukacita bagi pihak UMNO dan orang-orang Melayu amnya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan selamat berbahagia kepada MIC pada hari lahirnya yang ke-20 dan ucapan tahniah dan kegembiraan ahli-ahli UMNO kerana Yang di-Pertua mereka, Y.T.M. Tunku dan Puan Sharifah Rodziah dihadihkan Jubah Emas oleh orang-orang India.

Jubah banyak perkara Jubah Y.T.M. Tunku sudahpun menunaikan Fardu Haji, tetapi saya tak pernah melihat ia memakai jubahnya sungguhpun Haji-haji patut sekali sekala memakai jubah masing-masing. Hingga Haji Senu pun tak pernah memasang tubuhnya dengan Jubah. Saya ternanti-nanti hendak melihat Y.T.M. Tunku memakai jubahnya sekurang-kurangnya sekerap ia memakai bathing robenya. Dari hari ini bertambahlah lagi satu bathing robe Tunku.

MIC, sebagai sebuah parti siasah orang-orang India, sepanjang umur hidupnya, telah banyak membuat jasa dan bakti kepada orang-orang Malaysia yang keturunan India dan bersama UMNO dan MCA telah sama-sama membangkitkan semangat kebangsaan dan menuntut dan mencapaikan Kemerdekaan, menubuh dan mempertahankan Malaysia.

MIC seperti UMNO, berumur 20 tahun dan telah bekerjasama

sepanjang umur ini dan persahabatan sekarang sangat baik dan mesra. UMNO adalah 'Kekanda Tua' kepada MIC; cuma tua 3 bulan sahaja, tetapi yang di-Pertua MIC lebih muda daripada Yang di-Pertua UMNO hampir 15 tahun. Yang di-Pertua MCA pun muda juga.

MIC semenjak masuk Perikatan telah menjadi rakan UMNO dan MCA yang taat setia dan karib. MIC telah menjaga kepentingan orang-orang India dengan baik dan ketiga-tiga Parti dalam Perikatan bekerja dengan erat dan mesra. MIC telah menolong mengukuhkan lagi Perikatan. Kaum India di Malaya dan sekarang Malaysia semenjak mereka ke sini telah memainkan peranan yang besar dalam masyarakat yang berbilang bangsa seperti kita ini, dalam pembangunan, perusahaan-perusahaan, ladang-ladang, pelajaran dan Kerajaan. Kerajaan sedar tentang peranan orang-orang India dalam kemajuan Malaysia dan Kerajaan berterima kasih kepada sumbangan-sumbangan rakyat Malaysia yang keturunan India ini.

Sebagai satu kaum yang jumlah besarnya jatuh nombor tiga di Malaysia, orang-orang India telah mencapai kejayaan yang besar dalam semua bidang kehidupan di Malaysia. Saya percaya kejayaan yang lebih besar menanti orang-orang India jika mereka teruskan usaha-usaha mereka sekarang; mencari kehidupan, kesejahteraan hidup dan kemajuan dalam suasana dan keadaan yang baik sangka dengan orang-orang Melayu dan Cina. Perpaduan antara kaum-kaum sangatlah mustahak diperkukuhkan lagi kerana zaman cemerlang Malaysia di masa-masa hadapan terletak di atas keteguhan perpaduan kaum-kaum di Malaysia.

Orang-orang Melayu dan, khasnya ahli-ahli UMNO patut menerima dan mengambil tauladan yang baik ini daripada orang-orang India yang kuat bekerja, suka berkorban kerana pelajaran, ekonomi dan semangat kerjasama dan perpaduan dan semangat gotong-royong. Kerana semangat-semangat ini, orang-orang India sungguhpun mereka kaum kecil di-Malaysia tetapi "pukul secara perseorangan" atau "pukul rata" mereka adalah lebih maju daripada bangsa-bangsa lain. Orang-orang India dan Ceylon di Malaya pada keseluruhannya banyak yang boleh membaca dan menulis daripada orang-orang Melayu dan Cina dan mempunyai kerja-kerja yang baik. Saya suka melihat orang-orang Melayu mencontohi ini. Orang-orang India, termasuklah mereka yang

beragama Islam kuat bekerja, tekun dan rajin. Mereka berjaya dalam perniagaan dan perusahaan. Saya yakin jika orang-orang India, orang-orang Melayu juga akan maju dan Berjaya.

Rahsia kejayaan orang-orang India ialah kerana mereka tekun dan rajin, mereka bersatu padu di bawah MIC atau badan-badan lain; kerana mereka bekerjasama dengan bangsa-bangsa lain dan oleh sebab keteguhan politik dan keadilan Kerajaan Perikatan yang berazam hendak menolong semua bangsa yang miskin dan ingin maju.

Kita di Malaysia, pada satu hari kelak, orang-orang India, orang-orang Cina dan Melayu tidak akan bersifat sebagai bangsa seperti kita lihat sekarang — semuanya akan menjadi orang Malaysia tetapi mempunyai bahasa dan menganut kebudayaan-kebudayaan yang rapat dengan agama masing-masing sungguhpun bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu. Masyarakat — seperti masyarakat yang berbilang bangsa di-Amerika, orang-orang Inggeris, German, Negro, Polish dan Greek dan Hawaii telah menjadi “Orang Amerikan” atau keturunan-keturunan Itali, Irish dan German yang bermastautin di Australia — telah menjadi “Australian”.

Dalam Kerajaan berusaha melahirkan satu rupa bangsa Malaysia yang taat setianya yang tidak berbelah bagi kepada Malaysia, Kerajaan juga menggalakkan pelajaran-pelajaran kebudayaan dan bahasa-bahasa asal rakyat itu. Kelahiran “Rakyat Malaysia yang tulin” yang akan menganggap dirinya sebagai orang Malaysia, bukan Melayu, Cina atau India, mesti tiba pada satu masa kelak — saya jangka ini akan berlaku dalam keturunan yang akan datang. Sementara itu kita semua mestilah hidup sebagai orang-orang Malaysia, dan kurang bercakap kita India, saya Melayu dan dia Cina.

Di bawah pimpinan MIC, orang-orang India akan terus maju. Perpaduan di antara orang-orang India dengan orang-orang Cina dan Melayu akan bertambah baik dan persefahaman rakan-rakan dalam Perikatan akan menjamin kebahagiaan, dan keadilan dalam masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa ini.

Saya menyeru semua orang-orang India supaya menyokong MIC dengan lebih kuat lagi kerana MIC telah menjaga kepentingan-

kepentingan kaum India semenjak MIC ditubuhkan dengan cemerlangnya. Pokok Pimpinan MIC sekarang adalah teguh dan teridri daripada orang-orang yang jujur dan mereka adalah “pertama Malaysia Nationalists” kedua ‘orang Indian’ sungguhpun mereka sangat megah dengan perhubungan kebudayaan dan bahasa dengan India.

Tujuan dan cita-cita Kerajaan ialah supaya semua orang-orang di Malaysia menganggap diri masing-masing ‘*Malaysia Pertama*’ *China, Buddist, Hindu, India atau Islam dan Melayu Kedua, ketiga, kita semua orang-orang demokrat – mereka yang percayakan demokrasi.*

Saya sekali lagi mengucapkan tahniah yang tinggi kepada Y.T.M. Tunku dan Puan Sharifah Rodziah di atas kehormatan yang diberi oleh kaum India kepada mereka berdua – seluruh anggota UMNO berasa gembira dan megah atas penghormatan ini. Saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada MIC kerana hari ulang tahunnya yang ke-20 dan saya berdoa MIC akan terus maju dan setia berikat dengan MCA dan UMNO dan berjuang bagi melahirkan satu bangsa Malaysia yang tulin dan masyarakat yang lebih adil. Terima kasih.

¹ Menteri Kerjaraya, Pos dan Telekom.

² Perdana Menteri Malaysia.